

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI
[TANGGA BATU]**

SOALAN

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik dan status kebajikan dan perkembangan anak-anak yang ibu bapanya ditahan kerana kes-kes dadah khasnya di Melaka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), terdapat seramai 36 kanak-kanak daripada sembilan (9) keluarga yang ibu bapanya ditahan kerana kes dadah di negeri Melaka. Bagi memastikan kebajikan kanak-kanak ini terjamin, JKM sentiasa memberi perhatian terhadap perkembangan kanak-kanak selaras dengan Akta Kanak-kanak 2001. Antara perkhidmatan yang diberikan kepada kanak-kanak ini termasuklah penempatan di Institusi Kebajikan Kanak-kanak JKM, ditempatkan di bawah jagaan Orang Yang Layak dan Sesuai (OYLS), dan bantuan kewangan keluarga untuk persekolahan

Keluarga	Tempat Tinggal /Daerah	Bilangan Kanak-Kanak	Status	Kebajikan Dan Perkembangan Kanak-Kanak
A	Durian Daun / Melaka Tengah	2	Kanak-kanak di bawah jagaan Orang Layak Dan Sesuai (OYLS)	Kanak-Kanak akan didaftarkan di Tadika pada tahun 2020. Manakala seorang lagi yang masih bayi dijaga dengan baik oleh OYLS
B	Klebang / Melaka Tengah	2	Kedua-dua kanak-kanak dalam jagaan keluarga sendiri	Kedua-dua kanak-kanak mendapat Bantuan Kanak-Kanak sebanyak RM100 seorang dan kanak-kanak telah bersekolah
C	Balai Panjang / Melaka Tengah	1	Kanak-kanak di bawah penjagaan Rumah Anak Yatim	Kanak-Kanak telah bersekolah
D	Pulau Besar / Melaka Tengah	8	Kanak-Kanak telah ditempatkan di	4 orang kanak-kanak telah bersekolah dan 4 lagi kanak-kanak

SOALAN NO. 466

Keluarga	Tempat Tinggal /Daerah	Bilangan Kanak-Kanak	Status	Kebajikan Dan Perkembangan Kanak-Kanak
			Rumah Kanak-Kanak (RKK) Jabatan Kebajikan Masyarakat.	(termasuk 2 yang masih bayi) dalam penjagaan baik yang baik di Rumah Kanak-Kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat
E	Bukit Rambai/ Melaka Tengah	8	<p>2 orang kanak-kanak di Rumah Kanak-Kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat</p> <p>2 orang kanak-kanak di Rumah Anak Yatim</p> <p>4 kanak-kanak di bawah penjagaan keluarga sendiri</p>	<p>2 orang kanak-kanak yang berada di Rumah Kanak-Kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan 2 orang kanak-kanak di Rumah Anak Yatim telah bersekolah.</p> <p>Manakala bagi 4 kanak-kanak di bawah jagaan keluarga, seorang akan berdaftar di Tadika pada tahun 2020 dan 3 kanak-kanak lagi masih dalam jagaan keluarga di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat</p>
F	Tanjung Kling / Melaka Tengah	3	2 orang kanak-kanak di bawah jagaan Rumah Anak Yatim dan seorang lagi di bawah jagaan keluarga sendiri	2 orang kanak-kanak di Rumah Anak Yatim telah bersekolah dan seorang kanak-kanak masih dijaga dengan baik oleh nenek dan ibu saudara.

SOALAN NO. 466

Keluarga	Tempat Tinggal /Daerah	Bilangan Kanak-Kanak	Status	Kebajikan Dan Perkembangan Kanak-Kanak
G	Bukit Sedanan/ Jasin	5	Kelima-lima kanak-kanak di bawah jagaan ibu kandung	Kelima-lima kanak-kanak telah bersekolah dan menerima bantuan kanak-kanak sebanyak RM300 sebulan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat
H	Kampung Pulai/ Merlimau	3	Ketiga-tiga kanak-kanak di bawah penjagaan ibu kandung	Ketiga-tiga kanak-kanak telah bersekolah dan menerima bantuan kanak-kanak sebanyak RM300 sebulan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat
I	Kesang Jaya / Jasin	4	Keempat-empat kanak-kanak di bawah penjagaan ibu kandung	Keempat-empat kanak-kanak telah bersekolah dan menerima bantuan kanak-kanak sebanyak RM400 sebulan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat